

20/04/2001

Kerajaan tidak terikat terima pandangan Suhakam

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan tidak terikat untuk menerima semua pendapat yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, Perdana Menteri berkata, pandangan yang dikemukakan Suhakam tidak semestinya mencerminkan pendapat kerajaan.

"Itu pandangan mereka, tidak semestinya pendapat kerajaan. Kita tidak terikat untuk menerima semua keputusan mereka.

"Seperti saya katakan sebelum ini, tanggungjawab terhadap perpaduan negara bukan di tangan Suhakam tetapi di tangan kita (kerajaan), polis kita. Kita juga mesti mendengar pandangan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas berucap di majlis Dialog Kepimpinan Muda dan Intelek Afrika anjuran bersama Persatuan Pelajar Afrika di Malaysia (Assim) dan Akademi Pemuda Pergerakan Pemuda Umno, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas laporan tahunan pertama Suhakam yang diumumkan hari ini.

Pengerusi Suhakam, Tan Sri Musa Hitam menyerahkan laporan tahunan bagi 2000 kepada Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail di bangunan Parlimen hari ini.

Mengenai laporan 13 kakitangan Konsulat Malaysia di Pontianak, Kalimantan Barat diarah pulang atas sebab keselamatan, Dr Mahathir berkata, beliau belum menerima maklumat mengenainya.

Bagaimanapun, katanya, jika ada ancaman kakitangan Malaysia harus pulang.

Beliau bagaimanapun, yakin pihak berkuasa Indonesia akan menjaga keselamatan mereka.

"Saya fikir dia (kerajaan Indonesia) akan jaga jika keadaan terlalu bahaya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan tidak akan mengkaji semula Wawasan 2020 yang diperkenalkan pada 1991 untuk menjadikan negara ini sebuah negara perindustrian menjelang 2020.

Bagaimanapun, katanya, ciri negara maju pada 2020 sudah tentu berbeza dengan negara maju ketika wawasan itu dilancarkan kerana negara maju pada masa depan bergantung kepada keupayaannya menggunakan teknologi maklumat untuk kemajuan mereka.

Mengenai ura-ura Daihatsu Motor Co Ltd, Jepun hendak menguasai saham lebih besar dalam syarikat Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), Dr Mahathir mengesahkan rundingan untuk itu memang ada.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu masih belum diputuskan kerana kerajaan tidak akan membenarkan Daihatsu menguasai saham Perodua melainkan jika ia membabitkan pembuatan kenderaan untuk tujuan pasaran eksport.

Baru-baru ini, Daihatsu dikatakan akan memindahkan operasinya ke Thailand jika gagal menguasai saham dalam Perodua. Daihatsu ketika ini memegang 25 peratus kepentingan dalam syarikat itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu syarikat tempatan mengekalkan kepentingannya bagi pembuatan Perodua untuk tujuan pasaran tempatan.

"Jika Daihatsu mahu syer atau majoriti lebih dalam pengeluaran Perodua untuk pasaran Asean atau eksport lain, kita tiada masalah," katanya.

(END)